

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

(BAHAGIAN DAGANG)

GUAMAN NO. /2017

Antara

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

... Plaintiff

Dan

1. Yeow Kheng Chew
(No. K/P: 520928-07-5157)
2. Paulene Chee Yuet Fang
(No. K/P: 600724-10-6900)
3. Tan Yee Chee
(No. K/P: 700321-01-5279)

... Defendant-Defendan

PERNYATAAN TUNTUTAN

1. Pihak-pihak

Plaintif

- 1.1 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("Plaintif") telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 ("SCMA"), dan telah diletakhak dengan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa yang berikan kepadanya melalui atau di bawah SCMA, Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ("CMSA"), dirujuk secara kolektif sebagai Undang-undang Sekuriti.

- 1.2 Menurut Seksyen 16 SCMA, Plaintiff juga telah diletahak dengan semua kuasa yang diperlukan bagi atau berkaitan dengan, atau bersampingan secara munasabah, untuk pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah Undang-undang Sekuriti.
- 1.3 Di bawah Seksyen 15(1) SCMA, fungsi-fungsi Plaintiff sejauh mana ianya adalah relevan kepada tindakan guaman ini termasuklah tanggungjawab untuk:
- (a) mengawalselia semua perkara yang berkaitan dengan pasaran modal;
 - (b) memastikan bahawa peruntukan undang-undang sekuriti adalah dipatuhi;
 - (c) mengambil semua langkah-langkah munasabah untuk mengekalkan keyakinan pelabur-pelabur dalam pasaran modal dengan memastikan perlindungan yang secukupnya untuk pelabur-pelabur tersebut;
 - (d) menumpaskan amalan haram, mengaibkan dan tidak wajar dalam urusan niaga sekuriti dan perdagangan dalam pasaran modal, dan pemberian nasihat pelaburan atau perkhidmatan-perkhidmatan lain yang berkaitan dengan pasaran modal.

Defendan-Defendan

- 1.4 Defendan Pertama adalah seorang warganegara Malaysia dengan alamat terakhir yang diketahui di Unit 18, Villa Mont Kiara, No 18 Jalan Kiara, 50480 Kuala Lumpur. Defendan Pertama merupakan seorang

pengarah eksekutif bagi Kencana Petroleum Berhad (“Kencana”) sejak ia disenaraikan di Bursa Malaysia Berhad pada tahun 2006.

- 1.5 Defendan Kedua adalah seorang warganegara Malaysia dengan alamat terakhir yang diketahui di No. 21, Jalan Helang Siput 6, Kepong Baru, 52100 Kuala Lumpur.
- 1.6 Defendan Kedua merupakan pengarah tunggal bagi Asia Premium Corp (“APC”) dan Angnew Resources Limited (“Angnew”) pada tahun 2011. APC dan Angnew merupakan syarikat-syarikat yang ditubuhkan di British Virgin Islands. Kedua-dua syarikat ini mempunyai akaun-akaun perdagangan di AG Credit Suisse Singapore pada tahun 2011.

Selepas ini akaun perdagangan APC dengan AG Credit Suisse Singapore akan dirujuk sebagai “Akaun Perdagangan APC” dan akaun perdagangan Angnew dengan AG Credit Suisse Singapore akan dirujuk sebagai “Akaun Perdagangan Angnew”.

- 1.7 Defendan Kedua merupakan penandatanganan tunggal kepada Akaun Perdagangan APC dan Akaun Perdagangan Angnew.
- 1.8 Pada masa yang material itu, Defendan Kedua mempunyai satu akaun perdagangan di Hwang DBS Securities Bhd dengan nombor akaun Sistem Depositori Pusat (*Central Depository System*) 068-009-047324611 (“Akaun Perdagangan Defendan Kedua tersebut”).
- 1.9 Defendan Ketiga adalah warganegara Malaysia dengan alamat terakhir di No. 22A, Jalan Sepah Puteri 5/14, Seri Utama, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya. Pada masa yang material itu, Defendan Ketiga

merupakan wakil peniaga di Hwang DBS Securities Bhd dan bertindak sebagai remisier bagi Akaun Perdagangan Defendan Kedua.

(Apabila dinyatakan secara kolektif di dalam Pernyataan Tuntutan, Defendan Pertama, Kedua dan Ketiga akan dirujuk sebagai “Defendan-Defendan”)

1.10 Bagi tujuan tindakan guaman ini, Plaintiff akan merujuk kepada tempoh dari 2.6.2011 hingga 8.7.2011 sebagai “tempoh masa yang material tersebut”.

2. Fakta Latar Belakang

2.1 Aktiviti-aktiviti utama Kencana termasuk menyediakan penyelesaian dan perkhidmatan bersepadu kepada industri hulu minyak dan gas.

2.2 Pada Mei 2011, Maybank Investment Bank Berhad (“penasihat prinsipal tersebut”) telah mencadangkan kepada Defendan Pertama dan Ketua Eksekutif Kumpulan Kencana idea untuk menggabungkan Kencana dengan SapuraCrest Petroleum Berhad (“SapuraCrest”). Selepas ini dirujuk sebagai “Cadangan Penggabungan”. Penggabungan ini bertujuan untuk mewujudkan satu pembekal perkhidmatan minyak dan gas yang bersepadu sepenuhnya dengan keupayaan penyerahan yang kuat merentasi rantaian nilai. Entiti yang digabungkan akan berada dalam kedudukan yang baik untuk melaksanakan projek-projek yang lebih besar dan lebih kompleks, dengan itu, meningkatkan prospek perniagaan dengan ketara.

- 2.3 Dengan bersetuju kepada idea Cadangan Penggabungan, Defendan Pertama telah mengambil alih dan terlibat secara aktif dalam perbincangan dan rundingan yang membawa kepada Cadangan Penggabungan, yang mana telah diumumkan pada 11.7.2011.
- 2.4 Sepanjang masa ini, Defendan Pertama adalah wakil utama dari Kencana yang terlibat secara aktif dalam perbincangan-perbincangan dengan wakil-wakil dari SapuraCrest dan penasihat prinsipal tersebut.
- 2.5 Defendan Pertama juga merupakan orang utama yang dihubungi bagi pihak Kencana dan telah menghadiri semua mesyuarat yang berkaitan dengan Cadangan Penggabungan tersebut dan telah disalin dalam pelbagai emel yang membincangkan butir-butirnya. Beliau juga menyemak semula analisis yang dikemukakan.
- 2.6 Perbincangan dan rundingan yang berkaitan dengan Cadangan Penggabungan tersebut adalah sulit. Hanya Defendan Pertama seorang sahaja dan pada peringkat lanjutan seorang pegawai yang lain dari Kencana yang terlibat sehingga Cadangan Penggabungan dengan SapuraCrest menjadi muktamad.
- 2.7 Pada 11.7.2011, kedua-dua Kencana dan SapuraCrest telah mengeluarkan satu pengumuman kepada Bursa Malaysia Berhad mengenai Cadangan Penggabungan perniagaan mereka melalui Integral Key Sdn Bhd yang akan memperolehi keseluruhan perniagaan dan usaha-usaha (*undertakings*) mereka.
- 2.8 Apabila Cadangan Penggabungan tersebut telah disempurnakan, pemegang-pemegang saham Kencana dan SapuraCrest yang sedia ada akan menerima RM3.00 bagi setiap saham Kencana dan melalui

satu pembayaran tunai sebanyak RM0.486 dan saham baru bagi syarikat yang digabungkan pada RM2.514 setiap saham.

2.9 Plaintiff menyatakan bahawa berdasarkan fakta-fakta yang tersebut di atas, maklumat yang berkaitan dengan Cadangan Penggabungan tersebut (“maklumat dalaman tersebut”) hanya boleh didapati secara umum di bawah maksud Seksyen 184 CMSA pada 11.7.2011.

2.10 Pada tempoh masa yang material tersebut, maklumat dalaman tersebut merupakan maklumat bukan awam.

2.11 Plaintiff menyatakan bahawa maklumat dalaman tersebut adalah satu maklumat yang apabila menjadi boleh didapati secara umum akan atau berkecenderungan mempunyai kesan material ke atas harga atau nilai-nilai saham di Kencana, dan akan mempengaruhi orang yang munasabah yang melabur dalam Kencana dalam memutuskan sama ada atau tidak untuk memperoleh atau melupuskan sekuriti-sekuriti tersebut.

3. Butir-butir perbuatan Defendan-Defendan yang merupakan satu pelanggaran CMSA

3.1 Plaintiff menegaskan bahawa berdasarkan fakta-fakta yang tersebut di atas, Defendan Pertama telah mendapat maklumat dalaman melalui antara lain, penglibatan beliau yang aktif dalam rundingan-rundingan penggabungan dengan SapuraCrest dan penasihat prinsipal tersebut.

3.2 Pada tempoh masa yang material tersebut:

- (i) Defendan Pertama telah memberi arahan-arahan perdagangan untuk pemerolehan 4,000,000 saham Kencana melalui Akaun Perdagangan APC dan Akaun Perdagangan Angnew; dan
- (ii) Defendan Pertama telah memberi arahan-arahan perdagangan kepada Defendan Ketiga untuk pemerolehan 1,159,000 saham Kencana melalui Akaun Perdagangan Defendan Kedua.

3.3 Butir-butir pemerolehan saham-saham Kencana tersebut ("Pemerolehan tersebut") adalah dinyatakan di dalam jadual berikut:

<u>Tarikh</u>	<u>Unit</u>	<u>Akaun</u>
02.06.2011	1,000,000	Akaun Perdagangan APC
17.06.2011	500,000	Akaun Perdagangan APC
07.07.2011	2,000,000	Akaun Perdagangan APC yang kemudiannya ditempah semula (<i>re-booked</i>) ke dalam Akaun Perdagangan Angnew
08.07.2011	1,159,000	Akaun Perdagangan Defendan Kedua
08.07.2011	500,000	Akaun Perdagangan APC yang kemudiannya ditempah semula (<i>re-booked</i>) ke dalam Akaun Perdagangan Angnew

3.4 Perdagangan-perdagangan pada 7.7.2011 dan 8.7.2011 dalam Akaun Perdagangan APC kemudiannya telah ditempah keluar (*booked out*) ke dalam Akaun Perdagangan Angnew kerana pada masa yang material tersebut, dana dalam Akaun Perdagangan APC adalah tidak mencukupi untuk membiayai pemerolehan tersebut.

- 3.5 Melalui hubungan rapat antara Defendan Pertama dengan Defendan Kedua dan Ketiga, Defendan Kedua dan Ketiga telah memperolehi maklumat dalaman daripada Defendan Pertama sebelum Pemerolehan tersebut.
- 3.6 Defendan Pertama, pada kesemua masa yang material, merupakan pemilik benefisial bagi kesemua saham Kencana yang dipegang dalam Akaun Perdagangan APC, Akaun Perdagangan Angnew dan Akaun Perdagangan Defendan Kedua. Ini adalah dalam pengetahuan Defendan Kedua dan Ketiga.
- 3.7 Selanjutnya, Defendan Kedua dengan pengetahuan tentang maklumat dalaman tersebut telah:
- (i) membenarkan Defendan Pertama untuk memberi arahan-arahan perdagangan kepada Defendan Ketiga bagi pemerolehan 1,159,000 saham Kencana melalui Akaun Perdagangan Defendan Kedua; dan
 - (ii) membenarkan Defendan Pertama untuk memberi arahan-arahan perdagangan bagi pemerolehan 4,000,000 saham Kencana melalui Akaun Perdagangan APC dan Akaun Perdagangan Angnew.
- 3.8 Plaintiff menyatakan bahawa pada masa Pemerolehan tersebut, setiap seorang Defendan-Defendan adalah merupakan "orang dalam (*insider*)" dalam maksud Seksyen 188(1) CMSA kerana:
- (a) setiap seorang Defendan-Defendan mempunyai maklumat dalaman tersebut, yang tidak boleh didapati secara umum yang

apabila menjadi boleh didapati secara umum, seseorang yang munasabah akan menjangkakan maklumat itu mempunyai kesan material ke atas harga atau nilai saham-saham Kencana; dan

(b) setiap seorang Defendan-Defendan mengetahui atau semunasabahnya patut mengetahui bahawa maklumat dalaman tersebut tidak boleh didapati secara umum pada masa Pemerolehan tersebut.

3.9 Plaintiff menegaskan bahawa Defendan Pertama telah mengingkari dan/ atau melanggar Seksyen 188(2)(a) CMSA dengan memperolehi 5,159,000 saham Kencana, seperti yang diperincikan dalam perenggan 3.3 di atas, pada masa beliau mempunyai maklumat dalaman tersebut.

3.10 Plaintiff menegaskan bahawa Defendan Kedua telah mengingkari dan/ atau melanggar Seksyen 188(2)(a) CMSA dengan:

(a) memperolehi 1,159,000 saham Kencana melalui Akaun Perdagangan Defendan Kedua, seperti yang diperincikan dalam perenggan 3.3 di atas, sebagai ejen kepada Defendan Pertama pada masa beliau mempunyai maklumat dalaman tersebut;

(b) pemerolehan 4,000,000 saham Kencana melalui Akaun Perdagangan APC dan Akaun Perdagangan Angnew, seperti yang diperincikan dalam perenggan 3.3 di atas, sebagai ejen kepada Defendan Pertama pada masa beliau mempunyai maklumat dalaman tersebut.

3.11 Plaintiff menegaskan bahawa Defendan Ketiga telah mengingkari dan/ atau melanggar Seksyen 188(2)(a) CMSA dengan memperolehi

1,159,000 saham Kencana melalui Akaun Perdagangan Defendan Kedua, seperti yang diperincikan dalam perenggan 3.3 di atas, sebagai ejen kepada Defendan Pertama pada masa beliau mempunyai maklumat dalaman tersebut.

3.12 Pembayaran untuk pemerolehan saham-saham Kencana dalam Akaun Perdagangan APC dan Akaun Perdagangan Angnew telah dijelaskan dengan menggunakan dana yang sedia ada dalam akaun-akaun masing-masing. Defendan Kedua telah melakukan segala pengaturan bagi pembayaran untuk pemerolehan saham-saham Kencana dalam Akaun Perdagangan Defendan Kedua.

3.13 Saham-saham Kencana dalam Akaun Perdagangan Defendan Kedua telah dilupuskan pada 22.3.2012 dan hasilnya berjumlah sebanyak RM3,655,746.34. Hasil tersebut yang telah dibayar kepada Defendan Kedua telah dipindahkan dari Defendan Kedua kepada Defendan Pertama melalui cek-cek Hong Leong Bank Berhad berikut yang telah dimasukkan ke dalam akaun AmBank (M) Berhad Defendan Pertama, dengan nombor 211-201-201064-5:

(a) Nombor cek 006903 untuk jumlah RM2,484,168.22; dan

(b) Nombor cek 006904 untuk jumlah RM1,171,578.12.

3.14 Saham-saham Kencana yang diperolehi dalam Akaun Perdagangan APC kemudiannya telah dilupuskan secara berperingkat dengan hasil berjumlah sebanyak RM5,039,704.00.

3.15 Saham-saham Kencana yang telah ditempah ke dalam Akaun Perdagangan Angnew kemudiannya juga telah dilupus secara

berperingkat membawa kepada hasil berjumlah sebanyak RM16,265,601.50.

- 3.16 Dengan memperolehi saham-saham Kencana tersebut sebelum pengumuman tentang Cadangan Penggabungan tersebut, keuntungan sebanyak RM775,660.00 telah didapati (yakni perbezaan di antara harga saham-saham Kencana yang telah diperolehi dengan harga saham-saham Kencana berkemungkinan boleh diperolehi pada masa pemerolehan, jika maklumat berkenaan Cadangan Penggabungan tersebut boleh didapati secara umum):

Keuntungan yang diperolehi di bawah Akaun Perdagangan APC dan Akaun Perdagangan Angnew	Keuntungan yang diperolehi di bawah Akaun Perdagangan Defendan Kedua
RM624,900.00	RM150,760.00

- 3.17 Berikutan dengan tindakan salah yang dilakukan oleh kesemua Defendan seperti yang dihid di atas, Plaintiff berhak untuk menuntut jumlah-jumlah berikut daripada kesemua Defendan mengikut Seksyen 360 dan Seksyen 201(6)(a) CMAS masing-masing:

- (a) wang berjumlah RM2,326,980.00 terhadap Defendan Pertama dan Kedua yang merupakan amaun yang bersamaan dengan tiga (3) kali ganda amaun sebanyak RM775,660.00, yakni perbezaan di antara harga saham-saham Kencana yang telah diperolehi di bawah Akaun Perdagangan APC, Akaun Perdagangan Angnew dan Akaun Perdagangan Defendan Kedua dengan harga saham-saham Kencana berkemungkinan boleh diperolehi pada masa

pemerolehan, jika maklumat berkenaan Cadangan Penggabungan tersebut boleh didapati secara umum;

- (b) wang berjumlah RM452,280.00 terhadap Defendan Ketiga yang merupakan amaun yang bersamaan dengan tiga (3) kali ganda amaun sebanyak RM150,760.00, yakni perbezaan di antara harga saham-saham Kencana telah diperolehi di bawah Akaun Perdagangan Defendan Kedua dengan harga saham-saham Kencana berkemungkinan boleh diperolehi pada masa pemerolehan, jika maklumat berkenaan Cadangan Penggabungan tersebut boleh didapati secara umum;
- (c) penalti sivil sebanyak RM1.0 juta terhadap kesemua Defendan; dan
- (d) kos.

3.18 Plaintif berpendapat bahawa ianya adalah dalam kepentingan awam untuk membawa tindakan guaman ini terhadap Defendan-Defendan.

4. Relif

4.1 Berikutan itu, Plaintif memohon untuk memasukkan penghakiman terhadap Defendan-defendan seperti berikut:

- (a) Satu deklarası bahawa Defendan Pertama telah melanggar Seksyen 188(2)(a) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ("CMSA") berkenaan dengan pemerolehan saham-saham Kencana Petroleum Berhad ("saham-saham Kencana") melalui Akaun Perdagangan Asia Premium Corp, Akaun Perdagangan

Angnew Resources Limited dan Akaun Perdagangan Defendan Kedua;

- (b) Satu deklarasi bahawa Defendan Kedua telah melanggar Seksyen 188(2)(a) CMSA berkenaan dengan pemerolehan saham-saham Kencana melalui Akaun Perdagangan Defendan Kedua, Akaun Perdagangan Asia Premium Corp dan Akaun Perdagangan Angnew Resources Limited;
- (c) Satu deklarasi bahawa Defendan Ketiga telah melanggar Seksyen 188(2)(b) CMSA berkenaan dengan pemerolehan saham-saham Kencana melalui Akaun Perdagangan Defendan Kedua;
- (d) Satu perintah bahawa Defendan Pertama dan Kedua masing-masing (*severally*) membayar wang berjumlah RM2,326,980.00 yang merupakan amaun yang bersamaan dengan tiga (3) kali ganda amaun sebanyak RM775,660.00, yakni perbezaan di antara harga saham-saham Kencana yang telah diperolehi dengan harga saham-saham Kencana berkemungkinan boleh diperolehi pada masa pemerolehan, jika maklumat dalaman berkenaan Cadangan Penggabungan antara Kencana Petroleum Berhad dengan SapuraCrest Petroleum Berhad boleh didapati secara umum;
- (e) Satu perintah bahawa Defendan Ketiga membayar wang berjumlah RM452,280.00 yang merupakan amaun yang bersamaan dengan tiga (3) kali ganda amaun sebanyak RM150,760.00, yakni perbezaan di antara harga saham-saham Kencana telah diperolehi dengan harga saham-saham Kencana

berkemungkinan boleh diperolehi pada masa pemerolehan, jika maklumat dalaman berkenaan Cadangan Penggabungan antara Kencana Petroleum Berhad dengan SapuraCrest Petroleum Berhad boleh didapati secara umum;

- (f) Satu perintah untuk penalti sivil sebanyak RM1,000,000.00 atau apa-apa jumlah lain yang dianggap sesuai oleh Mahkamah Yang Mulia ini, yang merupakan satu amaun yang tidak melebihi RM1,000,000.00 terhadap kesemua Defendan masing-masing (*severally*) di bawah Seksyen 201(6) CMSA;
- (g) Satu perintah bahawa kesemua Defendan dihalang dari menjadi seorang pengarah di dalam mana-mana syarikat tersenarai awam untuk tempoh selama 10 tahun dari tarikh Perintah ini;
- (h) Satu perintah bahawa kesemua Defendan akan menahan diri dari penglibatan dalam pengurusan mana-mana syarikat tersenarai awam untuk tempoh 10 tahun dari tarikh Perintah ini;
- (i) Faedah pada kadar 5% setahun di atas jumlah penghakiman dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh;
- (j) Kos di atas dasar peguamcara dan anak guaman atau kos; dan
- (k) Relif-relif selanjutnya dan/ atau relif-relif lain yang dianggap sesuai oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

Bertarikh pada 26 haribulan Julai 2017.

.....
Peguamcara bagi Plaintiff

Pernyataan Tuntutan ini difailkan oleh Tetuan Benjamin Dawson, Peguamcara bagi pihak Plaintiff dengan alamat penyampaian di C-11-5, Blok C, Aras 11, Unit 5, Megan Avenue II, 12 Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.

Tel : 03 - 2710 1822

Faks : 03 - 2710 1833

Ruj Kami : 112319/SC/BJD

TETUAN BENJAMIN DAWSON

TERJEMAHAN

TRANSLATION

**IN THE HIGH COURT OF MALAYA AT KUALA LUMPUR
(COMMERCIAL DIVISION)**

SUIT NO. _____ / 2017

Between

Securities Commission Malaysia

... Plaintiff

And

1. Yeow Kheng Chew
(NRIC No.: 520928-07-5157)
2. Paulene Chee Yuet Fang
(NRIC No.: 600724-10-6900)
3. Tan Yee Chee
(NRIC No.: 700321-01-5279)

... Defendants

STATEMENT OF CLAIM

1. Parties

Plaintiff

- 1.1 The Securities Commission Malaysia ("Plaintiff") was established pursuant to Section 3 of the Securities Commission Malaysia Act 1993 ("SCMA"), and is vested with the functions and powers conferred on it by or under the SCMA, Securities Industry (Central Depositories) Act 1991, and Capital Markets and Services Act 2007 ("CMSA") collectively known as the Securities Laws.

- 1.2 Pursuant to Section 16 of the SCMA, the Plaintiff is also vested with all such powers as may be necessary for or in connection with, or reasonably incidental to, the performance of its functions under the Securities Laws.
- 1.3 Under Section 15(1) of the SCMA, the functions of the Plaintiff insofar as they are relevant to this action include the responsibility or duty to:
- (a) regulate all matters relating to the capital market;
 - (b) ensure that the provisions of the securities laws are complied with;
 - (c) take all reasonable measures to maintain the confidence of investors in the capital market by ensuring adequate protection for such investors;
 - (d) suppress illegal, dishonourable and improper practices in dealings in securities and trading in the capital market, and the provision of investment advice or other services relating to the capital market.

Defendants

- 1.4 The 1st Defendant is a citizen of Malaysia having a last known address at Unit 18, Villa Mont Kiara, No 18 Jalan Kiara, 50480 Kuala Lumpur. The 1st Defendant was an executive director of Kencana Petroleum Berhad ("Kencana") since it was listed on Bursa Malaysia Berhad in 2006.

1.5 The 2nd Defendant is a citizen of Malaysia having a last known address at No. 21, Jalan Helang Siput 6, Kepong Baru, 52100 Kuala Lumpur.

1.6 The 2nd Defendant was the sole director of Asia Premium Corp (“APC”) and Angnew Resources Limited (“Angnew”) in 2011. APC and Angnew are companies incorporated in the British Virgin Islands. Both these companies had trading accounts at AG Credit Suisse Singapore in 2011.

Hereinafter APC’s trading account with AG Credit Suisse Singapore will be referred to as “APC’s Trading Account” and Angnew’s trading account with AG Credit Suisse Singapore will be referred to as “Angnew’s Trading Account”.

1.7 The 2nd Defendant was the sole signatory to APC’s Trading Account and Angnew’s Trading Account.

1.8 At the material time, the 2nd Defendant had a trading account at Hwang DBS Securities Bhd with the Central Depository System account number 068-009-047324611 (“the 2nd Defendant’s Trading Account”).

1.9 The 3rd Defendant is a citizen of Malaysia having a last known address at No. 22A, Jalan Sepah Puteri 5/14, Seri Utama, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya. At the material time, the 3rd Defendant was a dealer’s representative at Hwang DBS Securities Bhd and acted as the remisier for the 2nd Defendant’s Trading Account.

(Wherever collectively referred to in the Statement of Claim, the 1st, 2nd and 3rd Defendants are referred to as "Defendants").

1.10 For the purposes of this action, the Plaintiff will refer to the period from 2.6.2011 to 8.7.2011 as the "material period".

2. Background Facts

2.1 Kencana's principal activities included providing integrated solutions and services for the upstream oil and gas industry.

2.2 In May 2011, Maybank Investment Bank Berhad ("the principal advisor") proposed to the 1st Defendant and Kencana's Group Chief Executive the idea of merging Kencana with SapuraCrest Petroleum Berhad ("SapuraCrest"). This is hereinafter referred to as "the Proposed Merger". This merger was to create a full-fledged integrated oil and gas service provider with strong delivery capabilities across the value chain. The merged entity would be in a strong position to undertake larger and more complex projects, thus, significantly improving business prospects.

2.3 Being agreeable to the idea of the Proposed Merger, the 1st Defendant took charge and actively participated in these discussions and negotiations leading towards the Proposed Merger, which was announced on 11.7.2011.

2.4 Throughout, the 1st Defendant was the key representative from Kencana who was actively involved in the discussions with representatives from SapuraCrest and the principal advisor.

- 2.5 The 1st Defendant was also the main contact person for Kencana and attended all meetings pertaining to the Proposed Merger and was copied in various emails discussing the details thereof. He also reviewed the analysis presented.
- 2.6 The discussions and negotiations pertaining to the Proposed Merger were confidential. There was only the 1st Defendant and at the later stage another officer from Kencana involved leading up to the finalised Proposed Merger with SapuraCrest.
- 2.7 On 11.7.2011 both Kencana and SapuraCrest released an announcement to Bursa Malaysia Berhad on the Proposed Merger of their businesses via Integral Key Sdn Bhd who was to acquire their entire businesses and undertakings.
- 2.8 Upon completion of the Proposed Merger, the existing shareholders of Kencana and SapuraCrest were to receive RM3.00 for each Kencana share and through a cash payment of RM0.486 and new shares of the merged company at RM2.514 per share.
- 2.9 The Plaintiff states that based on the foregoing facts, the information relating to the Proposed Merger (“the inside information”) was only made generally available within the meaning of Section 184 of the CMSA on 11.7.2011.
- 2.10 During the material period, the inside information was non-public.
- 2.11 The Plaintiff states that the inside information was information that on becoming generally available would or would tend to have a material effect on the price or value of shares in Kencana, and would

influence reasonable persons who invest in Kencana in deciding whether or not to acquire or dispose of such securities.

3. Particulars of the Defendants' acts which constitute a contravention of the CMSA

3.1 The Plaintiff contends that based on the aforementioned facts, the 1st Defendant possessed the inside information through, amongst others, his active involvement in the merger negotiations with SapuraCrest and the principal advisor.

3.2 During the material period:

(i) the 1st Defendant had given the trading instructions for the acquisition of 4,000,000 Kencana shares through APC's Trading Account and Angnew's Trading Account; and

(ii) the 1st Defendant had given trading instructions to the 3rd Defendant in respect of the acquisition of 1,159,000 Kencana shares through the 2nd Defendant's Trading Account.

3.3 The particulars of the aforesaid acquisition of the Kencana shares ("the Acquisition") are set out in the table below:

<u>Date</u>	<u>Units</u>	<u>Account</u>
2.6.2011	1,000,000	APC's Trading Account
17.6.2011	500,000	APC's Trading Account
7.7.2011	2,000,000	APC's Trading Account later re-booked into Angnew's Trading Account

8.7.2011	1,159,000	the 2 nd Defendant's Trading Account
8.7.2011	500,000	APC's Trading Account later re-booked into Angnew's Trading Account

- 3.4 The trades on 7.7.2011 and 8.7.2011 in APC's Trading Account were later booked out into Angnew's Trading Account because at that material time, there were insufficient funds in APC's Trading Account to finance the acquisition.
- 3.5 Through the 1st Defendant's close contact with the 2nd and 3rd Defendants, the 2nd and 3rd Defendants had acquired the inside information from the 1st Defendant, prior to the Acquisition.
- 3.6 The 1st Defendant was at all material times the beneficial owner of all of the Kencana shares held in APC's Trading Account, Angnew's Trading Account and the 2nd Defendant Trading Account. This was within the knowledge of the 2nd and 3rd Defendants.
- 3.7 Further, the 2nd Defendant with knowledge of the inside information had:
- (i) allowed the 1st Defendant to give trading instructions to the 3rd Defendant for the acquisition of 1,159,000 Kencana shares through the 2nd Defendant's Trading Account; and
 - (ii) allowed the 1st Defendant to give trading instructions for the acquisition of 4,000,000 Kencana shares through APC's Trading Account and Angnew's Trading Account.

3.8 The Plaintiff states that at the time of the Acquisition, the Defendants were each an “insider” within the meaning of Section 188(1) of the CMSA as:

- (a) the Defendants possessed the inside information, which was not generally available and which on becoming generally available, a reasonable person would expect it to have a material effect on the price or the value of Kencana shares; and
- (b) the Defendants knew or ought reasonably to have known that the inside information was not at the time of the Acquisition generally available.

3.9 The Plaintiff contends that the 1st Defendant had breached and/ or contravened Section 188(2)(a) of the CMSA by acquiring 5,159,000 Kencana shares, as particularized in paragraph 3.3 above, whilst in possession of the inside information.

3.10 The Plaintiff contends that the 2nd Defendant had breached and/ or contravened Section 188(2)(a) of the CMSA by:

- (i) acquiring 1,159,000 Kencana shares through the 2nd Defendant’s Trading Account, as particularized in paragraph 3.3 above, as an agent of the 1st Defendant whilst she was in possession of the inside information;
- (ii) the acquisition of 4,000,000 Kencana shares through APC’s Trading Account and Angnew’s Trading Account, as particularized in paragraph 3.3 above, as an agent of the 1st

Defendant, whilst she was in possession of the inside information.

3.11 The Plaintiff contends that the 3rd Defendant had breached and/ or contravened Section 188(2)(a) of the CMSA by acquiring 1,159,000 Kencana shares through the 2nd Defendant's Trading Account, as particularized in paragraph 3.3 above, as an agent of the 1st Defendant, whilst the 3rd Defendant was in possession of the inside information.

3.12 The payment for the acquisition of Kencana shares in APC's Trading Account and Angnew's Trading Account were settled using existing funds in the respective accounts. The 2nd Defendant had undertaken all arrangements for the payment of the acquisition of the Kencana shares in the 2nd Defendant's Trading Account.

3.13 The Kencana shares in the 2nd Defendant's Trading account were sold on 22.3.2012 and the proceeds amounted to RM3,655,746.34. The said proceeds which were issued to the 2nd Defendant were then transferred by the 2nd Defendant to the 1st Defendant via the following Hong Leong Bank Berhad cheques that were banked into the 1st Defendant's AmBank (M) Berhad account, bearing number 211-201-201064-5:

(a) Cheque number 006903 for the amount of RM2,484,168.22;
and

(b) Cheque number 006904 for the amount of RM1,171,578.12 .

3.14 The Kencana shares acquired in APC's Trading Account were subsequently sold in stages with the proceeds amounting to RM5,039,704.00.

3.15 The Kencana shares that were booked into Angnew's Trading Account were also subsequently sold in stages with the proceeds amounting to RM16,265,601.50.

3.16 By acquiring the said Kencana shares before the announcement of the Proposed Merger, profits of RM775,660.00 were made (being the difference between the price at which the Kencana shares were acquired and the price at which the Kencana shares would have been likely to have been acquired at the time of the acquisition, if the information relating to Proposed Merger had been generally available):

Profit gained under the APC's Trading Account and Angnew's Trading Account	Profit gained under the 2nd Defendant's Trading Account
RM624,900.00	RM150,760.00

3.17 As a result of the prohibited conduct by all the Defendants as pleaded above, the Plaintiff is entitled to claim for the following amounts from all the Defendants by virtue of Section 360 and Section 201(6)(a) of the CMSA respectively:

- (a) the sum of RM2,326,980.00 against the 1st and 2nd Defendants which is equivalent to three (3) times the amount of RM775,660.00 being the difference between the price at which the Kencana shares had been acquired under APC's Trading

Account, Angnew's Trading Account and the 2nd Defendant's Trading Account and the price at which the said Kencana shares would have been likely to have been acquired at the time of the acquisition, if the information relating to the Proposed Merger had been generally available;

- (b) the sum of RM452,280.00 against the 3rd Defendant which is equivalent to three (3) times the amount of RM150,760.00 being the difference between the price at which the Kencana shares had been acquired under the 2nd Defendant's Trading Account and the price at which the said Kencana shares would have been likely to have been acquired at the time of the acquisition, if the information relating to the Proposed Merger had been generally available;
- (c) a civil penalty of RM1.0 million against all the Defendants; and
- (d) costs.

3.18 The Plaintiff considers that it is in the public interest to bring this action against the Defendants.

4. Relief

4.1 Accordingly, the Plaintiff prays for judgment to be entered against the Defendants as follows:

- (a) A declaration that the 1st Defendant has contravened Section 188(2)(a) of the Capital Markets and Services Act 2007 ("CMSA") in respect of the acquisition of the shares in Kencana


Petroleum Berhad (“Kencana shares”) through Asia Premium Corp’s Trading Account, Angnew Resources Limited’s Trading Account and the 2nd Defendant’s Trading Account;

- (b) A declaration that the 2nd Defendant has contravened Section 188(2)(a) of the CMSA in respect of the acquisition of the Kencana shares through the 2nd Defendant’s Trading Account, Asia Premium Corp’s Trading Account and Angnew Resources Limited’s Trading Account;
- (c) A declaration that the 3rd Defendant has contravened Section 188(2)(a) of the CMSA in respect of the acquisition of the Kencana shares through the 2nd Defendant’s Trading Account;
- (d) An order that the 1st and 2nd Defendants severally pay the sum of RM2,326,980.00 which is equivalent to three (3) times the amount of RM775,660.00 being the difference between the price at which the Kencana shares had been acquired and the price at which the Kencana shares would have been likely to have been acquired at the time of the acquisition, if the inside information relating to the Proposed Merger of Kencana Petroleum Berhad and SapuraCrest Petroleum Berhad had been generally available;
- (e) An order that the 3rd Defendant pay the sum of RM452,280.00 which is equivalent to three (3) times the amount of RM150,760.00 being the difference between the price at which the Kencana shares had been acquired and the price at which the Kencana shares would have been likely to have been acquired at the time of the acquisition, if the inside information

relating to the Proposed Merger of Kencana Petroleum Berhad and SapuraCrest Petroleum Berhad had been generally available;

- (f) An order for civil penalty of RM 1,000,000.00 or any amount this Honourable Court considers appropriate, being an amount not exceeding RM1,000,000.00 against all the Defendants severally pursuant to Section 201(6) of the CMSA;
- (g) An order that all the Defendants be barred from being a director of any public listed company for a period of 10 years from the date of this Order;
- (h) An order that all the Defendants will refrain from the involvement in the management of any public listed company for a period 10 years from the date of this Order;
- (i) Interest at the rate of 5% per annum on the judgment sum from the date of judgment to full realisation thereof;
- (j) Costs on solicitor-client basis or costs; and
- (k) Such further or other relief this Honourable Court deems fit.

Dated this 26th day of July 2017.


.....
Solicitors for the Plaintiff

This Statement of Claim was filed by Messrs. Benjamin Dawson, Solicitors for the Plaintiff whose address of service is at C-11-5, Blok C, Aras 11, Unit 5, Megan Avenue II, 12 Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.

Tel : 03 - 2710 1822

Fax : 03 - 2710 1833

Our Ref :112319/SC/BJD

S/N MnxQvbRhU0mx/7o08DwAuQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal